

1,500 premis membeli-belah di Johor sertai Karnival Jualan Mega

028

JOHOR BAHRU 17 Nov. — Sebanyak 1,500 premis membeli-belah di Johor akan menyertai Karnival Jualan Mega Disember 2002 yang akan dilancarkan pada 23 November ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Dr. Chua Soi Lek berkata, penyertaan premis tersebut kian meningkat berbanding karnival jualan mega yang terdahulu.

"Kita berharap lebih ramai lagi premis membeli-belah di negeri ini akan mengambil bahagian dalam karnival jualan mega akan datang yang diadakan bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada pengguna untuk berbelanja di samping menarik ramai pelancong ke sini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Lions Peace Poster di Menara Landmark di sini, hari ini.

Menurut Soi Lek, selain premis membeli-belah, pihak hotel juga memberikan sambutan yang menggalakkan di dalam karnival tersebut pada kali ini.

"Sebanyak 12 hotel di negeri ini akan terlibat dalam karnival membeli-belah ini dengan menawarkan pakej-pakej penginapan menarik," katanya.

Pelancaran Karnival Jualan Mega Malaysia Disember 2002 peringkat kebangsaan itu akan diadakan di Jalan Wong Ah Fook berhadapan kompleks membeli-belah City Square, di sini, pada pulak 9.30 malam.

Perasmian dijangka di-



DR. Chua Soi Lok melihat Sylvester Liew Xen Xuan yang mengambil bahagian dalam pertandingan lukisan keamanan di Johor Bahru semalam.

lakukan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Sehubungan itu, Soi Lek memberitahu, Jalan Wong Ah Fook akan ditutup se-

cara berperingkat-peringkat mulai 20 November ini.